

15/07/1997

19 syarikat diberi status perintis MSC

SEBANYAK 19 syarikat sudah diberikan status perintis MSC (Koridor Raya Multimedia) dengan pelaburan 15 daripadanya berjumlah RM47.4 juta tahun ini dan diunjurkan meningkat kepada RM223 juta lima tahun lagi.

Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, berkata selain 19 yang sudah diberikan status MSC, 55 permohonan lagi sedang diproses.

Katanya, unjuran keuntungan yang dijana daripada pelaburan 19 syarikat berkenaan dalam projek MSC adalah RM6 juta tahun ini dan ia akan meningkat kepada RM113 juta pada 2001.

Status MSC membolehkan syarikat menikmati insentif kewangan dan bukan kewangan. Insentif kewangan termasuk pengecualian cukai selama 10 tahun atau elaun cukai pelaburan 100 peratus bagi pelaburan baru dalam MSC.

Sumbangan yang diberikan projek MSC kepada negara cukup besar. "MDC mengunjurkan selepas lima tahun projek MSC akan menyumbangkan nilai kepada ekonomi AS\$25 bilion (RM62.5 bilion) ," katanya pada sidang akhbar pelancaran permohonan tender cadangan konsep (Concept Request For Proposal) bagi empat daripada tujuh projek utama dalam MSC di Kuala Lumpur, semalam.

Pelancaran rasmi tender CRFP akan dilakukan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 26 Julai ini di Kuala Lumpur.

Menurutnya, selain sumbangan kewangan, MSC juga mengunjurkan daripada semua 76 syarikat yang memohon akan membawa tenaga kerja mahir dalam bidang teknologi sebanyak 5,325 orang pada tahun pertama beroperasi dan ia meningkat kepada 14,391 orang pada tahun kelima operasi.

"CRFP berkenaan akan disediakan kepada konsortium syarikat yang berminat selepas pelancaran rasmi itu, diikuti proses penilaian dijangka selesai menjelang penghujung tahun ini.

"Hanya syarikat yang membentuk konsortium dengan syarikat tempatan tetapi tidak semestinya termasuk syarikat Bumiputera, akan dipertimbangkan diterima CRFP mereka," katanya.

Katanya, tujuh projek utama dalam MSC adalah Kerajaan Elektronik, Kad Serbaguna, Sekolah Bestari, Teleperubatan, Pemasaran Tanpa Sempadan, Kelompok Kajian & Pembangunan dan Tapak Pembuatan Sedunia yang dibahagikan kepada dua kategori, Pembangunan Multimedia dan Persekitaran Multimedia.

Pembangunan Multimedia, projek utama dalam MSC terdiri daripada Kerajaan Elektronik, Kad Serbaguna, Sekolah Bestari dan Teleperubatan.

Karektor utama bagi empat projek utama MSC itu membabitkan pasukan industri dalam mereka konsep penggunaannya, menawarkan peluang perniagaan yang konkrit dan memerlukan pembangunan yang komprehensif, penyelesaian multimedia yang termoden.

"Bagi setiap satu daripada empat projek utama dalam MSC, MDC dan perwakilan dari syarikat swasta membangunkan CRFP yang menjelaskan keperluan projek yang dikenal pasti yang memerlukan syarikat swasta berminat, keanjalan yang diperlukan untuk mencipta dan memberikan penyelesaian terbaik konsep itu.

"Setiap pasukan diketuai satu ejensi iaitu Mampu, bagi Kerajaan Elektronik, Bank Negara bagi Kad Serbaguna, Kementerian Pendidikan bagi Sekolah Bestari dan Kementerian Kesihatan bagi Teleperubatan," katanya.

Mengulas lanjut mengenai CRFP, Othman berkata, bagi konsep Kerajaan Elektronik, lima CFRP akan disediakan termasuk bagi pelesenan dan perkhidmatan kenderaan yang berkaitan serta bayaran perkhidmatan.

"Sebenarnya, CRFP dapat digambarkan sebagai perbandingan kepada Permohonan untuk Cadangan (RFP). RFP adalah cara melaksanakan sesuatu projek termasuk peralatan yang diperlukan dan kos bagi sesuatu tawaran.

"Sebaliknya, CRFP adalah konsep penyelesaian kepada sesuatu aplikasi projek dengan menekankan aspek objektif dan faedah sasaran bukannya menekankan spesifikasi teknikal pelaksanaan tertentu," katanya.

(END)